

Tawarkan pelbagai kursus kejuruteraan, sains dan teknologi

UTHM berperanan penting bangunkan negara



GRADUAN menunggu giliran untuk menaiki pentas menerima ijazah masing-masing di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kini menawarkan pelbagai kursus berteraskan bidang kejuruteraan, sains dan teknologi khusus untuk lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi.

Pada ketika ini, lebih 16,000 penuntut sedang mengikuti pengajian dalam bidang yang ditawarkan oleh lapan buah fakulti dan sebuah pusat sedia ada, iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan serta Pusat Pengajian Diploma.

Bagi sesi pengambilan tahun 2016/2017, UTHM menawarkan 41 program ijazah sarjana muda dan enam diploma bagi pengajian prasiswazah dalam bidang kejuruteraan, sains dan teknologi bagi membolehkan kumpulan sasaran

UTHM turut mencapai peningkatan yang membanggakan apabila berjaya memperoleh tiga bintang dalam penarafan *Malaysia Research Assessment (MyRA®)* 2014 yang telah diumumkan pada bulan November 2015."

membuat pemilihan yang berseesuaian bagi menentukan hala tuju pengajian mereka.

Dalam tempoh 20 tahun usia penubuhannya, UTHM telah melahirkan lebih 20,000 graduan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Statistik kebolehpasaran graduan UTHM bagi tahun 2015 menunjukkan 86.5 peratus graduan telahpun bekerja dalam tempoh lebih enam bulan selepas menamatkan pengajian.

UTHM turut menjadi perhatian para penuntut antarabangsa apabila program yang ditawarkan menepati kehendak pasaran industri. Seramai 475 penuntut antarabangsa dari 24 buah negara kini sedang mengikuti pengajian peringkat diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah (PhD) di kampus UTHM di Batu Pahat.

Kapasiti penuntut UTHM dijangka bertambah seramai 10,000 orang menjelang tahun 2020. Bagi menampung jumlah penuntut yang semakin meningkat, UTHM turut membina kampus cawangannya di Pagoh, Muar yang akan menempatkan tiga buah fakulti, iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Fakulti Sains, Teknologi dan Pembangunan Insan serta Pusat Pengajian Diploma di kawasan seluas 68 hektar yang dijangka dapat menampung kira-kira 5,000 penuntut.

UTHM berjaya membuktikan keunggulan dalam menerajui pengajian kejuruteraan dan teknikal di negara ini apabila subjek mekanikal, aeronautik dan pembuatan kendalian Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) telah tersenarai dalam penarafan *Quacquarelli Symonds (QS) World University Ranking* dan berada di tangga 201 hingga 300 terbaik di peringkat dunia.

Program Sarjana Muda Pengurusan Hartanah dengan kepujian kendalian Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan turut mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila Berjaya memperoleh akreditasi untuk tempoh tiga tahun daripada Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS), London, United Kingdom.

UTHM juga merupakan satu-satunya institusi pengajian tinggi (IPT) di Asia yang diberi mandat oleh pihak City & Guilds, United Kingdom untuk dilantik sebagai pusat bertauliah bagi menjalankan *IVO Level 3 Advance Diploma in Oil & Gas Operations* dalam empat bidang, iaitu *Mechanical Maintenance Technician, Electrical Maintenance Technician, Instrumentation Maintenance Technician* dan *Process Technician*.

Sementara itu, UTHM turut mencapai peningkatan yang membanggakan apabila berjaya memperoleh tiga bintang dalam penarafan *Malaysia Research Assessment (MyRA®)* 2014 yang telah diumumkan pada bulan November 2015. Kejayaan penarafan MyRA® tiga bintang ini merupakan suatu pencapaian yang amat memberangsangkan bagi universiti yang bertanggungjawab melahirkan graduan teknologi ini.

Selain itu, UTHM juga mendapat pengiktirafan apabila tergolong empat buah universiti terbaik di Malaysia dalam melaksanakan aktiviti pembudayaan keusahawanan dalam *MOHE Entrepreneurship Awards 2015*.

Kedudukan terbaik UTHM dalam penarafan *Webometrics* 2015 terus melonjak apabila berjaya menduduki tempat ketujuh daripada 90 buah IPT Malaysia berbanding kedudukan ke-12 pada tahun sebelumnya. Pencapaian ini seterusnya telah meletakkan UTHM pada kedudukan ke-1,002 daripada 25,000 IPT di peringkat dunia.

Sejajar dengan peranannya sebagai universiti teknikal di bawah *Malaysian Technical University (MTU)*, usaha berterusan UTHM dalam menguasai bidang pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan pembangunan menjadikannya semakin mendapat tempat dalam kalangan penuntut yang ingin meneruskan pengajian mereka.